

Sorotan literatur pelaksanaan *wakalah* dalam sistem perkhidmatan Islam di Malaysia menurut perspektif hukum Islam

[Literature review on the implementation of *wakalah* in the Islamic service system in Malaysia from the perspective of Islamic law]

Mohd Nazril Saad¹, Muhammad Safwan Harun^{*1}, Muhammad Ikhlas Rosele¹

¹Fiqh and Usul Department, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

*Corresponding author: safone_15@um.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.33102/uij.702>

ABSTRAK

Artikel ini menganalisis sorotan kajian lepas berkaitan pelaksanaan *wakalah* dalam sistem perkhidmatan Islam di Malaysia dari perspektif hukum Islam. *Wakalah* merupakan suatu akad perwakilan yang dibenarkan oleh syarak dan telah dilaksanakan secara meluas dalam pelbagai perkhidmatan meliputi aspek kewangan, kekeluargaan, perundangan dan juga ibadah. Pelaksanaan *wakalah* oleh institusi-institusi Islam di Malaysia telah berkembang mengikut keperluan semasa, namun masih berhadapan dengan beberapa isu yang memerlukan perhatian seperti kekangan perundangan, perkhidmatan agama berunsur komersial serta penganjuran sehingga ke luar negara. Kajian ini memberi tumpuan kepada konsep *wakalah*, isu pelaksanaannya dalam konteks sistem perkhidmatan Islam serta mengenal pasti jurang kajian yang memerlukan kajian lanjutan. Pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen digunakan untuk mengumpul maklumat daripada penulisan ilmiah, laporan, dokumentasi daripada kajian terdahulu. Hasil kajian mendapati wujudnya perbezaan pendekatan pelaporan antara agensi pelaksana, cabaran dari aspek perundangan dan tahap kefahaman masyarakat sama ada mengenai konsep *wakalah* mahupun perkhidmatan yang dijalankan. Artikel ini mencadangkan agar lebih banyak kajian perbandingan dan analisis hukum dijalankan untuk memperkukuh pelaksanaan *wakalah* agar seiring dengan prinsip syariah dan keperluan sistem perkhidmatan Islam yang lebih berkesan dan lestari.

Kata kunci: *wakalah*, perkhidmatan Islam, zakat, Haji, ibadah korban

ABSTRACT

This article analyzes a literature review on the implementation of *wakalah* (agency contract) within the Islamic service system in Malaysia from the perspective of Islamic law. *Wakalah* is a form of contractual delegation permitted in Islamic jurisprudence and has been widely applied in various religious services such as zakat, charity (*sadaqah*), endowment (*waqf*), pilgrimage (*hajj*), and animal sacrifice (*qurban*). The implementation of *wakalah* by Islamic institutions in Malaysia has evolved in response to current needs but continues to face several issues requiring attention. This study focuses on the concept of *wakalah* in Islam, its practical applications in Islamic services, and the contemporary legal and ethical issues arising from its execution. A qualitative methodology is adopted through document analysis, utilizing academic literature, institutional reports, and prior research documentation. The findings indicate variations in implementation approaches among different agencies, along with challenges in legal governance and public understanding. The article

Manuscript Received Date: 05/06/25

Manuscript Acceptance Date: 17/08/25

Available online: 20/02/26

©The Author(s) (2026). Published by USIM Press on behalf of the Universiti Sains Islam Malaysia. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution Non-Commercial License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact penerbit@usim.edu.my



C O P E COMMITTEE ON PUBLICATION ETHICS

recommends further comparative and legal analyses to strengthen the application of *wakalah* in alignment with Shariah principles and to support a more effective and sustainable Islamic service system.

Keywords: *wakalah*, Islamic services, zakat, Waqf, Hajj and Qurban

PENDAHULUAN

Pelaksanaan *wakalah* merujuk kepada kontrak perwakilan, merupakan asas penting dalam konteks fikah muamalat yang membolehkan seseorang mewakilkan urusan tertentu kepada pihak lain. Dalam konteks semasa, institusi-institusi Islam terdiri dari sektor kerajaan, swasta dan bukan kerajaan (NGO) turut memanfaatkan konsep *wakalah* ini sebagai platform kebajikan sosial. Sekali gus memberikan peluang dan ruang kepada orang ramai bersama-sama membantu mereka yang memerlukan menerusi platform yang efisien dan sistematik. Kini, sistem perkhidmatan Islam berasaskan *wakalah* dilaksanakan secara meluas melibatkan pelbagai pihak dan terbuka sehingga ke luar negara (Mohamad Muhaimin Mohamad Zaki & Jasni Sulong, 2021; Sarip, 2019).

Tanpa menafikan keperluan dan kepentingan pelaksanaan *wakalah* pada masa kini, terdapat beberapa isu yang menuntut penjelasan daripada perspektif syarak berhubung aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Jika *wakalah* dilaksanakan dalam konteks urusan jual beli atau muamalat harian, isu-isu ini mungkin tidak begitu menonjol. Namun begitu, apabila perkhidmatan Islam yang melibatkan ibadah – seperti zakat, wakaf, haji, dan korban – dikomersialkan secara meluas oleh pelbagai pihak, timbul persoalan terhadap kesesuaian dan ketelusan pelaksanaannya. Kecenderungan pelaksana perkhidmatan untuk menjana pendapatan melalui aktiviti ibadah mewujudkan beberapa persoalan penting seperti: hukum pelaksanaan ibadah bagi pihak orang lain dalam konteks *wakalah* ibadah, peranan dan kedudukan agensi pelaksana dalam pengurusan ibadah, pengambilan upah serta pelaburan hasil kutipan dalam kerangka muamalat Islam, pelantikan wakil dalam kalangan bukan Muslim dari sudut etika sosial, serta kesahihan pelaksanaan ibadah yang dijalankan merentasi sempadan negara. Oleh itu, analisis hukum yang lebih mendalam diperlukan bagi memastikan pelaksanaan *wakalah* dalam perkhidmatan Islam kekal selari dengan prinsip-prinsip syariah. (Hasan & Sulaiman, 2016; Syafuri & Anggraeni, 2019; Wan Adnan & Ali, 2020).

Pada masa yang sama, terdapat kekangan dari aspek perundangan bagi mengawal dan memantau penganjurannya yang berleluasa dalam kalangan badan-badan berautoriti. Misalnya, terdapat perbezaan dari segi pelaporan agensi yang menjalankan perkhidmatan Islam. Sektor awam tertakluk kepada arahan kerajaan di peringkat negeri atau persekutuan masing-masing. Sektor swasta, tertakluk kepada Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (APKI) 2013 atau Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Manakala NGO, tertakluk kepada Akta Pertubuhan 1966, Ordinan Pemegang Amanah (Perbadanan) 1952 dan Akta Parlimen yang menyelaras badan-badan sukarelawan tertentu. Begitu juga kawalan terhadap perkhidmatan yang dijalankan, sesetengah perkhidmatan dilaksanakan berdasarkan peruntukan perundangan masing-masing seperti enakmen zakat dan enakmen wakaf bagi negeri tertentu. Terdapat juga perkhidmatan yang tidak jelas punca kuasa perundangannya seperti haji dan korban. Dalam konteks perkhidmatan haji sebagai contoh, tiada peruntukan perundangan yang jelas sama ada di bawah Lembaga Tabung Haji (LTH) atau Majlis Kawal Selia Umrah (MKSU), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) bagi memantau aktiviti badal haji.

Meskipun terdapat pelbagai permasalahan dan isu mengenai pelaksanaannya, namun ia tidak seharusnya dilihat dalam konteks permasalahan baharu. Sebaliknya, ia menuntut kepada penelitian yang lebih mendalam terhadap kajian-kajian lepas yang berkaitan bagi memahami sudut pandangan syarak serta realiti pelaksanaannya dari semasa ke semasa. Hal ini bagi memastikan isu-isu yang ditimbulkan dapat dinilai satu demi satu secara harmoni tanpa menjejaskan kepentingan pelaksanaannya kepada semua pihak. Justeru, artikel ini menelusuri sorotan kajian terdahulu bagi mengenal pasti arah tuju, jurang kajian, dan cadangan penambahbaikan terhadap pelaksanaan *wakalah* agar selari dengan kehendak syarak dan keperluan semasa.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis dokumen bagi menelusuri sorotan kajian lepas berkaitan pelaksanaan *wakalah* dalam sistem perkhidmatan Islam di Malaysia dari perspektif hukum Islam. Kaedah ini membolehkan penyelidik mengenal pasti perbincangan ilmiah yang relevan, menganalisis kandungan secara tematik, dan memahami perkembangan serta cabaran semasa berkaitan isu pelaksanaan *wakalah*. Sumber data sekunder yang digunakan merangkumi artikel jurnal akademik, buku ilmiah, laporan institusi Islam, enakmen negeri, tesis dan disertasi serta artikel ilmiah berkaitan. Penekanan

Sorotan literatur pelaksanaan wakalah dalam sistem perkhidmatan Islam di Malaysia menurut perspektif hukum Islam

turut diberikan kepada sumber-sumber turathi untuk mendapatkan asas teori hukum Islam berkaitan konsep *wakalah*. Pemilihan sumber dilakukan secara purposive (bertujuan) berdasarkan tiga tema utama iaitu (1) Konsep *wakalah* dalam Islam, (2) Sistem perkhidmatan Islam di Malaysia, dan (3) Isu-isu semasa berkaitan pelaksanaan *wakalah* dalam perkhidmatan Islam.

Justeru, skop kajian lepas melibatkan sumber yang secara langsung membincangkan *wakalah* dalam Islam dan perkhidmatan seperti kewangan, kekeluargaan, perundangan dan ibadah. Manakala, kriteria pengecualian meliputi penulisan umum yang tidak menyentuh konteks Malaysia, sumber bukan akademik, artikel tidak berasaskan disiplin hukum Islam serta bahan berulang yang tidak memberikan nilai tambahan. Proses analisis dijalankan secara tematik dengan meneliti dapatan utama, jurang kajian dan kecenderungan perbincangan yang berkaitan dengan pelaksanaan *wakalah* serta kesesuaiannya dengan prinsip syariah dan amalan institusi Islam di Malaysia. Pendekatan yang digunakan ini membolehkan pemerhatian yang teliti terhadap perkembangan, amalan dan cabaran pelaksanaan *wakalah* serta memberi asas kukuh dalam merumuskan dapatan berteraskan prinsip syariah. Hal ini sejajar dengan sifat kajian berbentuk konseptual dan normatif yang memerlukan analisis terhadap teks dan pemikiran hukum Islam tanpa kebergantungan kepada data lapangan.

Konsep Wakalah Dalam Islam

Wakalah merupakan kalimah dari bahasa Arab yang dibaca dengan dua wajah, iaitu *wakālah* atau *wikālah*. Terma *wakalah* adalah *masdar* dari *fi'il mādhī -wakala-* yang beerti serahan penjagaan apa-apa urusan kepada pihak-pihak yang selayaknya (Ibnu Manzur, 1993). Terma *wakala* ini, menjurus kepada pelbagai *masdar* lain seperti *wikālah*, *taukīl* atau *tawakal* yang bermaksud mendelegasikan, menyerahkan, menjaga, memberi mandat dan amanah memikul tanggungjawab (Ibnu Faris, 1979). Dari sudut syarak pula, terdapat pelbagai definisi yang hanya berbeza dari segi umum dan khusus, namun masih dalam lingkungan definisi menurut bahasa, iaitu serahan kuasa dan pemberian mandat bagi sesuatu urusan. Memadai kajian ini berkongsi pandangan yang dikemukakan *fuqahā* mazhab Syafie yang mendefinisikan *wakalah* sebagai '*suatu penyerahan seseorang kepada selainnya terhadap urusan yang boleh dilakukannya semasa ia hidup berkenaan urusan-urusan yang diharuskan penggantian*' (Syams al-Dīn al-Ramlī, 1984).

Definisi ini menjelaskan bahawa *wakalah* adalah '*suatu penyerahan seseorang*' yang bermaksud pewakil sebagai rukun pertama bagi *wakalah* ingin mengemukakan kontrak kepada wakil. Kedua, '*kepada selainnya*' bermaksud wakil sebagai rukun kedua bagi *wakalah* menerima kontrak berkenaan. Ketiga, '*terhadap urusan yang boleh dilakukannya*' bermaksud pewakil memiliki kuasa terhadap setiap urusan yang perlu diwakili. Keempat, '*semasa ia hidup*' bermaksud *wakalah* hanya terhad semasa hidup pewakil, jika tidak, ia sama seperti wasiat. Kelima, '*berkenaan urusan-urusan yang diharuskan penggantian*' bermaksud urusan yang tidak boleh diganti seperti ibadah khusus adalah tidak boleh diwakilkan. Definisi yang dikemukakan ini merangkumi penjelasan lengkap meliputi aspek rukun *wakalah*, jenis *wakalah* dan pengakhiran *wakalah* secara menyeluruh (Al-Jazīrī, 2003; Al-Zuhaili, 1985).

Secara asasny, konsep *wakalah* atau perwakilan bukanlah suatu yang baharu dalam Islam. Ia merupakan suatu keperluan fitrah yang menggambarkan bahawa manusia sentiasa memerlukan antara satu sama lain sebagaimana ungkapan Ibnu Khaldūn bahawa manusia itu adalah bersifat *madanī* (bermasyarakat dalam erti kata saling memerlukan) secara fitrah (Ibnu Khaldun, 1988). Dalam menelusuri perundangan asas *wakalah* dalam Islam menerusi al-Quran, menunjukkan bahawa terma '*al-wakil*' dinisbahkan kepada Allah S.W.T menerusi pelbagai ayat. Di antaranya firman Allah S.W.T:

Terjemahan: "*Bapa mereka berkata: "Aku tidak sekali-kali akan melepaskan dia (Bunjamin) pergi bersama-sama kamu, sehingga kamu memberi kepadaku satu perjanjian yang teguh (bersumpah) dengan nama Allah, bahawa kamu akan membawanya kembali kepadaku dengan selamat, kecuali jika kamu semua dikepong dan dikalahkan oleh musuh". Maka ketika mereka memberikan perjanjian yang teguh (bersumpah) kepadanya, berkatalah ia: "Allah jua yang menjadi **wakil** dan saksi atas apa yang kita semua katakan itu."* (Surah Yusuf: 66)

Terma '*al-wakil*' menerusi ayat di atas merujuk salah satu nama Allah S.W.T yang menjadikan manusia meyakini bahawa Dialah satu-satunya Tuhan yang seharusnya diserahkan segala urusan di dunia dan di akhirat. Bagaimanapun, terdapat juga ayat-ayat yang memberikan isyarat bahawa terma *wakala* tidak hanya terbatas kepada Tuhan, malah turut digunakan kepada selain Tuhan (al-Mubārak ibn Muhammad, 1979). Di antaranya, firman Allah S.W.T seperti berikut:

Terjemahan: *Katakanlah (wahai Muhammad); "Nyawa kamu akan diambil oleh malaikat maut yang diwakilkan (ditugaskan) berbuat demikian ketika habis ajal kamu, kemudian kamu akan dikembalikan kepada Tuhan kamu (untuk menerima balasan)".* (Surah al-Sajdah: 11)

Menurut Al-Qurtubi, ayat ini merupakan hujah mengenai keharusan syarak pelaksanaan *wakalah* sebagaimana malaikat dilantik menjadi wakil bagi mencabut nyawa manusia. Menurutnya lagi, keharusan pelaksanaan *wakalah* diambil daripada ayat ini melalui lafaz '*wukila*' bukan sekadar maknanya sahaja sebagaimana para rasul dilantik dan diberi mandat daripada Tuhan untuk menyebarkan dakwah yang boleh dianggap wakil bagi Tuhan juga. Malah, dalam hal memberi zakat, ia juga dianggap sebagai salah satu bentuk pelaksanaan *wakalah* jua kerana Tuhan mewakilkan orang kaya untuk memberikan rezeki kepada orang miskin berdasarkan kadar dan waktu tertentu walaupun hakikat yang memberikan rezeki adalah Allah S.W.T (al-Qurtubī, 1963). Oleh itu, *wakalah* jika disandarkan kepada Tuhan, ia bermaksud bahawa Allah S.W.T itu maha penguasa, pemberi rezeki, penjaga dan petunjuk bagi hamba-hamba. Bagaimanapun, jika terma *wakalah* disandarkan kepada makhluk bermaksud ia diberi mandat serta terikat dengan perjanjian yang dimuktamadkan bagi melaksanakan tugas daripada Tuhan. Maka seseorang itu perlu kepada sifat amanah dan tidak sama sekali melakukan tindakan khianat atau bertindak cuai terhadap tugas yang diberikan sebagai Tuhan yang bersifat *al-Wakīl* (Maha Penjaga). Hal ini berasaskan kepada seseorang yang mewakilkan sesuatu urusan bermaksud ia meyakini dan dipercayai kepada wakil yang diberi mandat berkenaan berupaya melakukannya dengan sepenuh tanggungjawab (Abd. A.-H. Muhammad, 2004).

Manakala perundangan *wakalah* dalam konteks hadis menunjukkan bahawa Rasulullah S.A.W dan para sahabat mempraktikkan amalan *wakalah*. M. S. Mohd Noor (2013) merumuskan sebanyak 250 buah hadis yang menyentuh berkenaan pelaksanaan *wakalah* dalam kehidupan baginda meliputi lapan perkara utama terdiri daripada *wakalah* dalam jual-beli, perundangan, perkahwinan, hutang, korban, haji, zakat, dan juga sedekah, wasiat dan hibah. Kajian ini menyenaraikan lapan prinsip pelaksanaan *wakalah* berdasarkan hadis seperti pelantikan wakil hanya pada perkara yang dibenarkan syarak, kerugian tidak ditanggung wakil jika bukan dari kelalaiannya sendiri, keharusan pelantikan wakil secara ghaib, pelantikan wakil memerlukan keizinan *muwakkil*, keharusan pelantikan bukan muslim, kewajaran membayar upah kepada wakil, kejujuran dan amanah dalam kontrak *wakalah* dan tidak boleh melantik wakil pada perkara yang diharamkan syarak.

Sorotan Kajian Sistem Perkhidmatan Islam di Malaysia

Terma 'perkhidmatan' diambil daripada perkataan 'khidmat' merujuk kepada perbuatan dan pekerjaan yang menunjukkan kesetiaan atau kerja bagi memenuhi keperluan orang ramai (Mohd Nazim et al., 2012). Di dalam bahasa Arab, perkhidmatan merujuk kepada *al-Khidmah* atau *al-khadamah* yang bermaksud pekerjaan. Terma berkenaan bukanlah suatu hal yang asing, malah gelaran '*khādim*' turut dikurniakan kepada tokoh tertentu bagi sesetengah negara di Timur Tengah sebagaimana penganugerahan *al-Khādim al-Haramain al-Syarifayn* kepada Raja Arab Saudi sebagai simbolik penting mengenai peranannya dalam menjaga dua kota suci iaitu Mekah dan Madinah (Al-Daryūwish, 2010). Dalam konteks bahasa Melayu, terma 'khadam' merujuk kepada hamba, orang suruhan atau pelayan sama ada dibayar gaji atau tidak. Oleh itu, istilah yang sebaiknya bagi seseorang yang berkhidmat dalam sesuatu perkhidmatan disebut dengan perkataan 'pekhidmat' khususnya yang melibatkan kemahiran dan profesionalisme sesuatu kerjaya (DBP, 2018). Maka, terma perkhidmatan Islam boleh dirumuskan sebagai suatu pekerjaan atau tugas yang dijalankan dengan penuh kebertanggungjawaban bagi memenuhi tuntutan Islam berteraskan panduan dan kepatuhan syarak.

Dalam konteks sejarah, perkhidmatan Islam tertumpu kepada pekerjaan yang dilakukan demi memenuhi tuntutan agama pada ketika itu. Pada peringkat awal – zaman keberadaan rasul dan para sahabat – aspek perkhidmatan Islam menjurus kepada dakwah dan berkhidmat mempertahankan baginda S.A.W sebagai rasul dan sumber kedua perundangan Islam (Salam & Al-Arousi, n.d.). Mereka yang berkhidmat kepada baginda S.A.W dikenali sebagai *khādim al-Rasūl*. Menurut Taqī al-Dīn al-Fāsi al-Makki, para sahabat yang bertanggungjawab sebagai *khādim al-Rasūl* adalah seramai lapan belas atau tujuh belas orang dari kalangan lelaki dan sebelas orang dari kalangan wanita (Taqi al-Din, 1998). Di antara yang terkenal sebagai *khādim al-Rasūl* adalah Anas bin Malik berkhidmat memenuhi keperluan seharian baginda S.A.W, 'Abd Allāh ibn Mas'ūd berkhidmat sebagai pemegang selipar dan kayu sugi Baginda, 'Uqbah ibn 'Āmir al-Juhani berkhidmat sebagai pemandu tunggangan Rasulullah ketika musafir, Aslam ibn Syarik berkhidmat sebagai pembawa barangan permusafiran Rasulullah, Bilāl ibn Rabāh berkhidmat sebagai muazzin, Abu Dzār al-Ghifāri, Aimān ibn 'Ubaid dan ibunya Ummu Aiman berkhidmat menyediakan kelengkapan

Sorotan literatur pelaksanaan wakalah dalam sistem perkhidmatan Islam di Malaysia menurut perspektif hukum Islam

baginda ketika bersuci (Ibn Qayyim al-Jauziyyah, 1994).

Setelah itu, perkhidmatan Islam diteruskan pada zaman *tābi'* dan *tābi' al-tabi'in* – pada kurun kedua hijrah – dengan bertanggungjawab menyebarluaskan sumber-sumber Islam menerusi perkembangan ilmu (Beltaji, 2007). Pada era ini, munculnya beberapa mazhab fikah yang diasaskan tokoh-tokoh ilmuwan muktabar secara meluas. Pada masa ini, perkhidmatan Islam tertumpu kepada memperkasakan ilmu-ilmu Islam sehingga berjaya melahirkan tokoh-tokoh pemikir Islam dari pelbagai cabang ilmu (Bakar, 1999; Ibn al-Nadīm, 1998). Malah, mereka yang menjalankan tanggungjawab menyebarkan ilmu-ilmu Islam dikenali sebagai *khādim al-'ilmi wa al-'ulama* (Al-Danani, 2021). Pengukuhan ilmu-ilmu ini telah mencetus satu revolusi ilmu dalam kalangan umat Islam dengan penghasilan ilmu-ilmu lain seperti ilmu Kimia, Astronomi, Fizik, Sains, Geografi, Perubatan dan Matematik di sepanjang sejarah Islam. Pada ketika ini, lahirilah pelbagai tokoh saintis Islam melalui penguasaan ke atas Andalusia dengan pelbagai reka cipta, kreativiti dan inovasi dalam menghasilkan teori, model dan peralatan-peralatan canggih pada ketika itu. Sumbangan yang diberikan dalam pelbagai lapangan ini merupakan cara mereka berkhidmat untuk agama melalui penghasilan ilmu-ilmu baharu dalam dunia Islam untuk dimanfaatkan seluruh manusia rentas agama (Abdullah, 2018; Zakariya, 2019).

Di Malaysia, perkhidmatan Islam telah lama diwarisi daripada tradisi, pengalaman dan desakan keperluan bagi memenuhi tuntutan syarak dalam kalangan masyarakat, sejak kedatangan Islam di Tanah Melayu (Winstedt, 2024). Perkhidmatan Islam dilaksanakan secara menyeluruh dalam segenap aspek seperti perundangan, pendidikan agama, kewangan, kekeluargaan, kebudayaan dan kesenian serta diplomasi dan hubungan luar negara (Abd Ghani et al., 2023). Dalam konteks perundangan, undang-undang Islam telah diamalkan dalam kehidupan masyarakat bermula kedatangan Islam di Melaka pada abad ke-15 Masihi (Religion et al., 2017). Dalam konteks pendidikan, pendidikan agama Islam bermula sejak kira-kira abad ke-14 Masihi secara tidak formal dengan menjadikan rumah para alim ulama sebagai tempat mereka mengajar agama (Nor, 2011). Dalam konteks kewangan, ia terbahagi kepada dua peringkat iaitu peringkat persekutuan dan negeri sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Di peringkat persekutuan, perkhidmatan kewangan tertumpu kepada perbankan, percukaian, tukaran asing dan terbitan modal bagi bursa saham serta bursa komoditi. Manakala di peringkat negeri, perkhidmatan kewangan meliputi urusan kewangan sosial Islam terdiri daripada zakat, wakaf, sedekah, baitulmal dan hasil mahsul agama Islam di bawah tanggungjawab Majlis Agama Islam Negeri (Mohd Arif & Markom, 2013; Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif & Ruzian Markom, 2017).

Kini, perkhidmatan Islam terus berkembang sebagai salah satu sektor perkhidmatan terpenting dalam mengekalkan identiti negara (Mohamad Afandi awang Hamat & Muhammad Muhaimin Ghazali, 2019). Sektor perkhidmatan Islam tidak lagi dianggap sebagai perkhidmatan sokongan, malah turut berperanan sebagai pemacu utama ekonomi negara menerusi Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP 2030) dengan menekankan kepada lapan fokus utama industri, di antaranya sebagai peneraju dalam industri halal antarabangsa, perkhidmatan global, pusat kewangan Islam global (Bassens et al., 2012; Ghazali et al., 2023). Sekali gus memberi impak terhadap perkhidmatan Islam terutama dalam konteks sebagai Hab Halal dan perkhidmatan kewangan global (R Michael Feener & Philip Fountain, 2018). Bukan itu sahaja, malah perubahan iklim dunia sehingga membawa kepada krisis bencana alam dan kemusnahan pelbagai turut diberi perhatian negara dengan memperkasakan elemen kebajikan sosial menerusi penyediaan bantuan yang berskala besar dan menggalakkan masyarakat terus membudayakan amalan bantu membantu melalui platform yang disediakan (Mohd Rom et al., 2022; Rosman et al., 2022; Umari, 1996). Hal ini menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terkenal dari aspek pembangunan ekonomi Islam dan kebajikan sosial dalam membantu negara-negara yang mengalami krisis bencana berteraskan elemen perkhidmatan Islam secara menyeluruh. Pelaksanaannya tidak terhad kepada sektor awam semata-mata, malah turut melibatkan sektor swasta, badan bukan kerajaan (NGO), sektor bantuan bersama dan informal menggambarkan penyertaan kebersamaan yang menyeluruh (Abdul Wahab et al., 2021; Shahid et al., 2024).

Isu Pelaksanaan *Wakalah* Dalam Sistem Perkhidmatan Islam di Malaysia

Di Malaysia, pelaksanaan *wakalah* menjurus kepada kepelbagaian perkhidmatan meliputi aspek kewangan, kekeluargaan, perundangan dan juga ibadah. Dari aspek kewangan, pelaksanaan *wakalah* sentiasa diterapkan menerusi kontrak-kontrak muamalat semasa khususnya di Institut Kewangan Islam (IKI) di Malaysia sama ada di institusi perbankan, takaful dan institusi-institusi kewangan lain. Hal ini dapat dilihat melalui pemeteraian kontrak bersama di mana IKI bertindak sebagai agensi yang mewakili pelanggan dalam transaksi kewangan berkenaan. Sebagai sebuah agensi kewangan yang berdaya saing, IKI diberikan

kepercayaan dalam menguruskan kewangan pelanggannya dengan penuh keyakinan.

Dalam konteks kewangan, terdapat beberapa isu ditimbulkan terutama mengenai penerapan kontrak *wakalah* dalam kewangan Islam semasa melibatkan perbankan, takaful dan perniagaan umum. Dalam konteks perbankan, antara isu yang dibangkitkan adalah mengenai amalan *Dual-Agency* dan isu kontrak hibrid yang berpotensi menyebabkan ketidakpatuhan syariah apabila pengamalannya mengandungi unsur *riba*, *gharar* dan dua kontrak dalam satu transaksi (Yunus & Zakaria, 2016; Zulkepli & Mohamad, 2020). Manakala dalam konteks takaful, terdapat beberapa isu melibatkan syariah, undang-undang, kos, operasi dan penilaian masyarakat memberi kesan kepada pasaran industri takaful terutamanya dalam takaful mikro (Mohamed Hadi Abd Hamid & Rusni Hassan, 2014; Nor Mukshar et al., 2023). Dalam konteks perniagaan umum, misalnya perniagaan *francais*, terdapat beberapa isu berbangkit melibatkan kualiti barangan yang tidak memberangsangkan, pelanggaran perjanjian terutama dari aspek penyediaan skim latihan dan beberapa kelemahan kontrak yang berlaku (Husain et al., 2020).

Dari aspek kekeluargaan pula, pelaksanaan *wakalah* sentiasa menjadi tradisi dan amalan dalam masyarakat Islam di Malaysia terutama dalam urusan pernikahan dengan mewakilkan wali dan saksi nikah. Terdapat garis panduan yang disediakan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) mengenai prosedur pelaksanaan *wakalah* dalam pernikahan bagi negeri masing-masing. Pelaksanaan *wakalah* dalam perkahwinan biasanya merujuk kepada seseorang yang bertindak bebas mewakilkan kepada pihak ketiga untuk mengahwinkannya dengan seseorang atau menerima akad perkahwinan bagi dirinya dengan syarat tertentu (Majid, 2004). Kebiasaannya, amalan pernikahan di Malaysia membenarkan wali mewakilkan pernikahan anak perempuan kepada orang lain di hadapannya dan dengan kebenaran pendaftar (Mohammad Azam & Alias, 2015). Begitu juga dalam hal berkaitan konflik kekeluargaan seperti perceraian dan seumpamanya, mahkamah turut bertindak melantik Pegawai *Sulh* sebagai wakil dalam mendapatkan keadilan sebagai penyelesaian kes (Hammad Mohamad Dahalan, 2014).

Antara isu lain yang ditimbulkan dari aspek kekeluargaan seperti isu mengenai perkahwinan tanpa kebenaran sama ada dalam negara mahupun luar negara (Siti Aishah Borhanuddin et al., 2022). Terdapat beberapa faktor yang mendorong kepada perkahwinan tanpa kebenaran seperti terpengaruh dengan nikah sindiket, kahwin lari, poligami tanpa kebenaran Mahkamah, nikah bawah umur yang dilihat memberikan implikasi terhadap hukum syarak, perundangan negara dan kepentingan sosial (Hasnizam Hashim et al., 2020). Begitu juga semasa Covid-19 melanda negara, terdapat konflik mengenai isu pernikahan secara atas talian tanpa menggunakan wakil sebagaimana pendapat *fuqahā* kerana wujudnya perbezaan *ittihād al-majlis* di mana upacara dilaksanakan secara langsung namun berbeza tempat (Zain, 2021).

Dari aspek perundangan, pelaksanaan *wakalah* sentiasa diterapkan melalui konsep *wakalah bi al-khusūmah* melalui pelantikan peguam-peguam bagi mengendalikan kes-kes mahkamah. Di Malaysia, pelantikan Peguam Syarie diperuntukkan berdasarkan akta sebagaimana Seksyen 34. Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 yang jelas menyatakan, “Seksyen 34, *Wakalah; bahawa pelantikan Peguam Syarie perlulah dilafazkan oleh orang yang melantiknya dan diterima oleh Peguam Syarie yang dilantik sedemikian, di hadapan Mahkamah atau Pendaftar*” (Mohamad Dahalan et al., 2019). Peranan yang dimainkan peguam di Malaysia adalah sebagai wakil bagi membantu seseorang yang lemah dan tidak terdaya dalam membela haknya kerana tidak semua pihak berkemahiran dalam menyelesaikan pertikaian yang berlaku. Terdapat beberapa kategori peguam di Malaysia, namun bagi kes melibatkan syariah kebanyakan dikendalikan peguam-peguam syarie.

Terdapat beberapa isu mengenai pelantikan peguam khususnya dalam konteks perundangan syariah. Di antaranya isu pentadbiran agama Islam di Malaysia tertakluk kepada kuasa negeri-negeri menyebabkan berlaku ketidakseragaman dalam penentuan kelayakan peguam syarie (Md Zawawi Abu Bakar, 2003). Walaupun penubuhan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) bertujuan untuk menyelaras perundangan syariah dalam negara, namun terdapat kelompangan dari aspek jawatankuasa peguam syarie, kelayakan pelantikan peguam syarie di peringkat negeri (Wahab, 2016). Begitu juga isu-isu pelanggaran etika yang berlaku dalam kalangan peguam syarie seperti tidak hadir ke Mahkamah semasa perbicaraan, mengenakan *fi* yang tidak munasabah, menggelapkan duit anak guam dan beberapa elemen peribadi yang kurang memuaskan (Arsad et al., 2020). Selain itu, terdapat isu yang menyentuh berkenaan pelantikan peguam syarie dalam kalangan bukan Islam di Malaysia yang memerlukan pandangan hukum dan realiti perundangan Islam di Malaysia itu sendiri (Meerangani et al., 2018).

Dari aspek ibadah pula, kajian-kajian pelaksanaan *wakalah* dilihat mula mendapat tumpuan sejak kebelakangan ini terutama dalam ibadah zakat, sedekah, wakaf, haji dan korban. Semenjak Covid-19

Sorotan literatur pelaksanaan wakalah dalam sistem perkhidmatan Islam di Malaysia menurut perspektif hukum Islam

melanda dunia, berlakunya peralihan gaya hidup masyarakat dalam kehidupan termasuklah tatacara beragama. Salah satu perkhidmatan berasaskan *wakalah* yang semakin penting pada masa kini adalah perkhidmatan zakat. Pelaksanaan *wakalah* dalam perkhidmatan zakat telah menjadi salah satu produk di agensi pengurusan zakat dalam meningkatkan kutipan zakat semasa. Pelaksanaan *wakalah* dalam perkhidmatan zakat berupaya meningkatkan kutipan zakat agensi pengurusan zakat negeri. Hal ini berasaskan kaedah pemulangan beberapa peratus kutipan kepada *muzakki* untuk diagihkan sendiri kepada yang berhak melahirkan kepercayaan dalam kalangan masyarakat (Romli et al., 2022).

Isu berkaitan perkhidmatan zakat adalah mengenai kutipan yang kurang memberangsangkan (Mohamad Ishak Mohamad Ibrahim & Kadir, 2016). Salah satu langkah dan cadangan bagi meningkatkan kutipan dan melahirkan kepercayaan masyarakat terhadap institusi zakat adalah dengan memperkenalkan Dasar *Wakalah* (Sharif & Wahid, 2019). Bagaimanapun, terdapat isu-isu lain yang timbul mengenai pelaksanaan *wakalah* di institusi zakat yang dibangkitkan. Pertamanya dari segi pemantauan kaedah agihan selepas pemulangan kembali kepada *muzakki* terutama penyediaan suatu panduan pemantauan berkenaan (Hamid et al., 2020). Selain itu, terdapat juga pandangan bahawa agensi pengurusan zakat tidak seharusnya menghadkan pelaksanaan *wakalah* dalam konteks dasar pengembalian wang zakat, sedangkan konsep *wakalah* lebih meluas dan menyeluruh (Nor Paizin & Sarif, 2021). Di antara isu lain yang dibangkitkan juga adalah mengenai ketelusan agihan *muzakki* seperti institusi perbankan, bayaran balik dalam tempoh yang ditetapkan, kesukaran pengagihan dan ketidakpastian terhadap kategori *asnaf* (Razali et al., 2022).

Selain itu, pelaksanaan *wakalah* juga turut dijalankan dalam perkhidmatan sedekah. Di dalam Islam, konsep sedekah adalah luas meliputi keseluruhan sumbangan wajib (zakat) dan sunat (wakaf). Di Malaysia, konsep sedekah merujuk kepada terma dana awam yang diperolehi melalui sumbangan orang ramai bagi tujuan kebajikan. Terdapat dua jenis dana awam bagi tujuan kebajikan iaitu dengan ganjaran (seperti token, penghargaan, tandatangan tokoh tertentu) dan tanpa ganjaran. Kebiasaannya, aktiviti sumbangan dana awam dijalankan pihak-pihak tertentu secara formal dan informal dalam kalangan individu, agensi awam dan NGO tertentu bagi projek bantuan yang dihasratkan. Faktor agama memainkan peranan penting dalam kalangan masyarakat untuk mempergandakan lagi amalan bersedekah.

Di antara isu yang ditimbulkan mengenai pelaksanaan *wakalah* dalam perkhidmatan sedekah adalah menerusi elemen sumbangan dana awam (Zakariyah et al., 2017). Di antara isu yang dibangkitkan dalam adalah mengenai kesedaran masyarakat mengenai amalan bersedekah (Mohamed, 2017). Dalam konteks pengurusan, terdapat isu yang dibangkitkan mengenai ketiadaan garis panduan pengurusan dana oleh badan-badan tertentu sehingga mewujudkan ketidakselarasan pengambilan komisen bagi setiap sumbangan dana awam yang diterima (Mohd Salleh et al., 2021). Pada masa kini, Suruhanjaya Sekuriti (SC) hanya menggubal garis panduan pengurusan dana awam bagi tujuan pelaburan sahaja (Hasan & Sulaiman, 2016). Ketiadaan penyelarasan ini akan menimbulkan isu kepercayaan dan kredibiliti penerima dana turut diberi perhatian bagi tujuan projek yang dijalankan (Al Jawi et al., 2023). Pada masa yang sama, pelbagai kes penipuan dengan mengeksploitasi isu-isu agama bagi mendapatkan dana dan sumbangan ramai. Isu ini diberi perhatian oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri dengan mengeluarkan garis panduan pengurusan kutipan derma NGO secara umum (Unit Fatwa, 2023).

Selain itu, pelaksanaan *wakalah* juga dijalankan dalam perkhidmatan wakaf dalam konteks yang lebih luas dan bersistematik. Di Malaysia, kuasa pemegang amanah tunggal (*sole trustee*) bagi pengurusan dan pentadbiran wakaf adalah di bawah MAIN di bawah negeri masing-masing. Oleh itu, MAIN merupakan badan yang mewakili para pewakaf untuk menjalankan pengurusan pentadbiran harta wakaf secara perundangan. Dalam konteks *wakalah* dalam perkhidmatan wakaf, seseorang yang dilantik sebagai pemegang amanah dikenali sebagai nazir, *mutawalli* atau agen yang dilantik untuk urusan wakaf (Ab Rahman et al., 2020). Pada masa kini, pengurusan *wakalah* di Malaysia dikendalikan secara profesional melalui penyertaan syarikat-syarikat swasta yang bertindak menjalankan perniagaan melalui perkhidmatan wakaf sebagaimana Syarikat Johor Corporation (Hisham & Muwazir, 2021).

Mengenai isu berkaitan pelaksanaan *wakalah* dalam perkhidmatan wakaf di Malaysia seperti isu penyelarasan dan keseragaman pengurusan wakaf di atas faktor kuasa perundangan agama Islam di bawah pentadbiran hal ehwal Islam negeri (Syarifah Zubaidah Syed Abdul Kader, 2016). Dianggarkan sebanyak 11, 091.82 hektar tanah wakaf di Malaysia dan hanya 0.72% daripada tanah tersebut telah dibangunkan, manakala tanah yang tidak dibangunkan dianggarkan sebanyak RM1.9 bilion (Hasbullah et al., 2019). Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan tanah-tanah wakaf sukar diusahakan terdiri daripada faktor kekurangan dana pembangunan dan juga faktor geografi tanah yang dilihat kurang strategik bagi

pembangunan perekonomian (Isamail et al., 2015). Terdapat juga isu-isu lain seperti isu melibatkan hukum syarak, tahap pengetahuan dan penghayatan, ketidakcekapan pengurusan, data rekod yang tidak lengkap serta pencerobohan haram (Abd. Jalil, 2020).

Selain itu, pelaksanaan *wakalah* juga dijalankan dalam perkhidmatan haji dan umrah. Kebiasaannya, pelaksanaan *wakalah* dalam perkhidmatan ibadah haji dikenali sebagai upah haji atau badal haji. Lembaga Tabung Haji (LTH) merupakan agensi yang bertanggungjawab dalam pengelolaan haji dan umrah. Bagaimanapun, LTH hanya mengurus pengurusan haji dan dana menerusi kontrak *wakalah* semata-mata. Manakala pelaksanaan *wakalah* dalam konteks badal haji bukan di bawah pengurusan mereka secara perundangan. Oleh itu, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) telah mengambil inisiatif dengan mengeluarkan manual pengurusan badal haji bagi sebagai makluman dan saranan kepada mereka yang ingin menunaikannya sama ada melalui individu atau agensi (JAWHAR, 2008).

Setakat ini, tidak banyak penemuan khusus isu berkenaan badal haji di Malaysia walaupun perkhidmatannya dijalankan secara meluas. Tinjauan hanya menemui satu penjelasan daripada JAWHAR mengenai fikah badal haji sebagai panduan dan pedoman kepada orang ramai (JAWHAR, n.d.). Dalam konteks fatwa, Jabatan Fatwa Negeri (JFN) telah menyediakan koleksi risalah di dalam laman sesawang masing-masing bagi menjelaskan isu-isu berkaitan badal haji seperti *al-Kāfi li al-Fatāwī* dan *Taudh al-Hukmi* (Mohamad Nasir, 2023; Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2016). Di Indonesia, beberapa isu mengenai badal haji pernah dibangkitkan yang dilihat sama situasinya di Malaysia (Rahmadanil, 2021). Di antaranya mengenai isu pengambilan keuntungan dalam melaksana badal haji dari perspektif syarak. Terdapat juga konflik fatwa di antara *Majelis Tarjih Tajdid Muhammadiyah* dan *Lajnah bahtsul Masail Nahdlatul Ulama*, Indonesia dengan perbincangan secara akademik mengenai hukum pelaksanaan badal haji dari aspek pemberian kuasa (Makrus, 2018). Di Malaysia, isu mengenai tatacara pengurusan badal haji pernah dibangkitkan di dalam Parlimen mengenai elemen penipuan perkhidmatan badal haji oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab (Hansard Parlimen, 2022).

Seterusnya, pelaksanaan *wakalah* juga dijalankan dalam perkhidmatan korban dan akikah. Secara asasnya, perkhidmatan ibadah korban meliputi jual beli binatang, sembelihan dan agihan daging korban (Dedi & Lendrawati, 2021). Di Malaysia, amalan mendapatkan wakil bagi mengurus ibadah korban telah lama dilaksanakan terutama melantik wakil sebagai tukang sembelih bagi tujuan menyembelih binatang korban (Mat Razali & Mohd Yunus, 2018). Bagaimanapun, acara penyembelihan korban dijalankan dengan disaksikan sendiri secara langsung oleh pewakil kerana terdapat saranan syarak mengenainya (N. S. A. B. Muhammad, 2018). Bagaimanapun, perkembangan semasa menyaksikan perkhidmatan korban turut dilaksanakan di luar negara melalui program-program kebajikan sosial (Nazri & Sulaiman, 2020). Kini, perkhidmatan korban bukan sekadar dijalankan agensi kebajikan semata-mata, malah turut melibatkan syarikat-syarikat swasta yang menawarkan perkhidmatan berkenaan.

Terdapat beberapa isu yang dibangkitkan mengenai pelaksanaan *wakalah* dalam ibadah korban terutama melibatkan hukum syarak seperti upah daging kepada tukang sembelih, mengambil daging tanpa keizinan, kesalahan etika sembelihan menurut syarak, menggunakan dana awam bagi tujuan sembelihan, berkongsi binatang melebihi had, sumber dana yang diharamkan dan keperluan menyebut nama sembelihan (Zainul Abidin, 2020). Turut dibangkitkan juga mengenai isu perkhidmatan yang dijalankan di luar negara dan dijalankan agensi-agensi swasta (U. Amer et al., 2016). Mengenai perkhidmatan ibadah korban luar negara, isu yang dibincangkan melibatkan kontrak jual beli binatang korban, kaedah penentuan dan pembelian binatang serta agihan yang dijalankan (Sarip, 2019). Turut disentuh juga mengenai isu penglibatan syarikat-syarikat swasta yang menjalankan perkhidmatan khusus ibadah korban. Penglibatan syarikat dan agensi tertentu dalam perkhidmatan *wakalah* bukan lagi berpaksikan kebajikan semata-mata, sebaliknya pelaksanaannya dijalankan secara komersial dan mempunyai elemen perniagaan yang berpaksikan keuntungan jua (A. Mohd Noor, n.d.).

Analisis Sorotan Kajian Lepas

Berdasarkan penelitian daripada sorotan kajian terdahulu menunjukkan bahawa konsep *wakalah* diamalkan secara meluas meliputi pelbagai aspek dan menjadi perbincangan penting dari perspektif fikah dan hukum Islam. Dapatan menunjukkan kepelbagaian perbincangan mengenai pelaksanaan *wakalah* merangkumi keseluruhan bahagian fikah. Bagaimanapun, penulisan fikah terdahulu membincangkan secara langsung berkenaan konsep *wakalah* pada bahagian fikah muamalat secara khusus. Manakala pada bahagian lain diuraikan secara tidak langsung dan berasingan dari satu bab kepada bab yang lain bersesuaian dengan situasi perbincangan. Begitu juga dalam penulisan fikah semasa lebih memfokuskan kepada bahagian-

Sorotan literatur pelaksanaan wakalah dalam sistem perkhidmatan Islam di Malaysia menurut perspektif hukum Islam

bahagian dan isu-isu tertentu mengenai pelaksanaan *wakalah* seperti *wakalah* dalam ibadah, kekeluargaan dan perundangan tanpa ada hubung kaitnya secara langsung di antara semua bahagian-bahagian ini. Hal ini penting bagi melihat keserasian huraian mengenai pelaksanaan *wakalah* dalam konteks fikah Islam secara lebih menyeluruh. Justeru, perlunya suatu kupasan yang memfokuskan konsep *wakalah* secara bersepadu dan lebih menyeluruh melibatkan keseluruhan bahagian fikah Islam semasa untuk dijadikan rujukan dan panduan pelaksanaannya yang semakin meningkat pada masa kini.

Kajian mengenai sistem perkhidmatan Islam turut dibahaskan dalam pelbagai aspek meliputi bidang-bidang utama negara. Bagaimanapun, isu-isu melibatkan penyelarasan pentadbiran dan perundangan masih hangat dibincangkan menggambarkan perkhidmatan Islam dilihat berbeza di antara satu negeri dan negeri yang lain. Tidak dinafikan usaha penyelarasan telah dilaksanakan sebaik mungkin menerusi penubuhan JAKIM, namun isu-isu perkhidmatan Islam tidak dapat diselesaikan sepenuhnya atas beberapa kekangan. Sebagai contoh, terdapat dua bidang kuasa berbeza mengenai pengurusan kewangan Islam di antara persekutuan dan negeri menyebabkan ketidakpastian terhadap kuasa pengurusan kewangan perkhidmatan Islam. Keadaan ini mewujudkan kelompangan dan memberikan ruang kepada sektor ketiga yang tidak terikat di bawah persekutuan dan negeri untuk menjalankannya tanpa sebarang keterikatan terhadap perundangan berkaitan. Begitu juga kuasa yang diberikan kepada negeri untuk menjalankan pentadbiran Islam secara khusus dilihat tidak berupaya menangani isu-isu melibatkan perkhidmatan Islam khususnya dalam konteks pelaksanaan *wakalah* itu sendiri.

Tinjauan mengenai isu-isu pelaksanaan *wakalah* sentiasa relevan untuk dibincangkan sehingga kini apabila diterapkan secara menyeluruh khususnya dalam bidang muamalat, kekeluargaan, perundangan dan ibadah. Bagaimanapun, isu-isu melibatkan muamalat, kekeluargaan dan perundangan mempunyai punca kuasa tersendiri bagi memantau dan mengawal sebarang masalah yang berlaku. Dalam aspek muamalat, sebarang aktiviti dan transaksi dipantau di bawah kawalan Bank Negara Malaysia. Manakala aspek kekeluargaan, sebarang pendaftaran pernikahan, perceraian dan rujuk (NCR) di bawah pentadbiran undang-undang kekeluargaan Islam. Begitu juga perundangan, peranan dan tanggungjawab peguam dikawal selia di bawah Enakmen Tatacara Mahkamah Syariah bagi menjamin pengurusan pelantikan peguam.

Bagaimanapun, pelaksanaan *wakalah* dalam perkhidmatan agama di Malaysia dilihat kurang menyentuh mengenai kawalan perundangan bagi memantau aktiviti yang dijalankan. Kini, ibadah-ibadah yang dianjurkan dilaksanakan sehingga ke luar negara. Isu utama yang dibangkitkan adalah wujudnya elemen perniagaan berpaksikan keuntungan dalam perkhidmatan yang ditawarkan. Hal ini mendorong kepada kehadiran pelbagai agensi yang menawarkan perkhidmatan ibadah secara perwakilan berkenaan tanpa kawalan. Selain itu, aspek kualiti perkhidmatan yang dijalankan turut mendapat perhatian sama ada memenuhi tuntutan ibadah berkenaan atau sebaliknya. Kebimbangan ini berasaskan kepada pewakil tidak menyaksikan sendiri ibadah yang dijalankan menyebabkan berlakunya elemen *gharar* dalam perkhidmatan berkenaan. Begitu juga pendedahan media wujudnya sindiket yang mengeksploitasi perkhidmatan ibadah demi mengaut keuntungan secara salah.

<i>Aspek</i>	<i>Jurang Kajian</i>	<i>Cadangan Penyelidikan Lanjutan</i>
<i>Pendekatan Hukum Islam</i>	Kekurangan analisis mendalam terhadap isu upah dan pelaburan dari perspektif fikah	Analisis kritikal fikah berkaitan <i>wakalah</i> dalam konteks ibadah dengan sokongan dalil dan hukum Islam
<i>Pelaksanaan Institusi</i>	Tiada standardisasi pelaksanaan <i>wakalah</i> antara negeri/agensi	Kajian perbandingan pelaksanaan antara negeri atau institusi zakat/wakaf
<i>Aspek Empirikal</i>	Kurangnya kajian lapangan terhadap pelaksana SPI (amil, nazir, ejen)	Kajian lapangan menggunakan kaedah temu bual dan soal selidik terhadap pelaksana
<i>Tadbir Urus & Polisi</i>	Ketiadaan model tadbir urus <i>wakalah</i> yang komprehensif dan berpandukan maqasid	Model pelaksanaan <i>wakalah</i> berpandukan Maqasid Syariah dan prinsip tadbir urus Islam
<i>Relevansi Kontemporari</i>	Kurangnya kaitan antara <i>wakalah</i> dan dasar semasa seperti SDG atau Ekonomi Hijau	Terokai hubungan <i>wakalah</i> dengan SDG, kelestarian, dan inovasi perkhidmatan Islam dalam konteks moden

Rajah 1: analisis aspek, jurang kajian dan cadangan penyelidikan lanjutan

Berdasarkan ulasan di atas menunjukkan, pelaksanaan *wakalah* dalam perkhidmatan Islam khususnya ibadah mengundang beberapa isu dan polemik dalam masyarakat. Walaupun penulisan mengenainya telah dijalankan beberapa pengkaji, namun terdapat isu-isu lain yang timbul dan memberikan implikasi terhadap pelaksanaan *wakalah* yang menjadi amalan dan penyelesaian dalam Islam. Kajian-kajian terdahulu yang meneliti *wakalah* dalam sistem perkhidmatan Islam di Malaysia kebanyakannya memberi tumpuan kepada aspek teknikal pelaksanaan atau perundangan institusi secara umum. Namun, masih terdapat beberapa jurang penting yang belum diterokai secara mendalam dari perspektif hukum Islam, khususnya berkaitan mekanisme penggantian amalan ibadah secara *wakalah* dalam konteks pengurusan ibadah, pengambilan upah dan pelaburan dana dalam konteks muamalat, kawal selia pelaksanaan *wakalah* antara institusi dalam konteks pengurusan agensi, penglibatan non-muslim dalam konteks etika sosial serta perkhidmatan Islam di luar negara dalam konteks rentas sempadan. Tambahan pula, kebanyakan kajian lebih bersifat deskriptif dan tidak meneliti secara kritikal kedudukan *wakalah* dalam konteks hukum Islam dan kelestarian alam.

Di samping itu, kajian lapangan melibatkan pengalaman pelaksana seperti amil, nazir dan ejen masih terhad, terutama dalam memahami cabaran sebenar pelaksanaan di peringkat operasi. Sehubungan itu, penyelidikan lanjutan dicadangkan untuk menilai impak pelaksanaan *wakalah* terhadap keberkesanan perkhidmatan Islam dari aspek syariah, ekonomi dan sosial. Kajian perbandingan antara negeri, serta kajian kes terhadap institusi tertentu juga wajar dijalankan. Satu lagi cadangan ialah membina model *wakalah* yang mesra *maqasid* berteraskan tadbir urus Islamik bagi tujuan standardisasi nasional.

KESIMPULAN

Kajian ini merumuskan jurang kajian dan cadangan penyelidikan lanjutan berkaitan *wakalah* dalam perkhidmatan Islam, khususnya dalam konteks realiti pelaksanaan di peringkat institusi dan keperluan semasa. Beberapa isu utama telah dikenal pasti termasuk kekurangan analisis fikah yang mendalam mengenai aspek muamalat seperti upah dan pelaburan, aspek pengurusan seperti ketiadaan standardisasi pelaksanaan *wakalah* antara negeri atau institusi, serta kurangnya kajian lapangan terhadap pelaksana *wakalah* seperti penglibatan peranan amil, nazir dan wakil yang dilantik. Untuk mengisi jurang ini, cadangan penyelidikan lanjutan yang dikemukakan merangkumi pelaksanaan analisis kritikal fikah dengan pendekatan hukum Islam, kajian perbandingan antara institusi yang menjalankan perkhidmatan Islam, serta kajian lapangan menggunakan kaedah temu bual dan soal selidik. Selain itu, pembangunan model tadbir urus *wakalah* berasaskan prinsip Islam dan eksplorasi hubungan *wakalah* dengan dasar semasa seperti SDG dan Ekonomi Hijau turut dicadangkan bagi menjelaskan impak pelaksanaan *wakalah* dengan perkembangan moden. Ringkasnya, penyelidikan lanjutan diperlukan bertujuan untuk memperkukuhkan pemahaman dan pelaksanaan *wakalah* melalui pendekatan yang lebih sistematik, berlandaskan fikah dan *maqasid*, serta relevan dengan tuntutan semasa.

PENGHARGAAN

Penghargaan diucapkan kepada Universiti Malaya (UM) atas sokongan kewangan yang diberikan melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental (Geran No.: UMG039L-2024). Sokongan ini telah memungkinkan pelaksanaan kajian bertajuk *Merangka Garis Panduan Pelaksanaan Wakalah Dalam Sistem Perkhidmatan Islam di Malaysia Menurut Hukum Islam*, yang memberi sumbangan bermakna kepada perkembangan ilmu dan amalan dalam bidang ini.

RUJUKAN

- Ab Rahman, M. F., Abdullah Thaidi, H. A., Ab Rahman, A., & Ab Rahim, S. F. (2020). Peranan Wakaf Dalam Mendepani Pendemik Covid-19. *Journal of Fatwa Management and Research*. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol22no1.323>
- Abd Ghani, Z., Mahyuddin, M. K., Md.Hamdani, S., & Mohd Noor, K. (2023). *Pengurusan Hal Ehwal Islam di Malaysia*. Penerbit USIM.
- Abd. Jalil, M. I. (2020). Issues and Challenges of Waqf Practice in Malaysia: a Review. *Labuan E-Journal of Muamalat and Society (LJMS)*. <https://doi.org/10.51200/ljms.v14i.2868>
- Abdul Wahab, H., Abu Bakar Ah, S. H., Hamidi, M., Omar, N., & Azman, Z. (2021). *Pentadbiran Sosial: Penyampaian perkhidmatan sosial di Malaysia* (H. Abdul Wahab, Ed.; Vol. 1). Penerbit Universiti Malaya.
- Abdullah, S. (2018). "Pembudayaan Ilmu Di Andalusia Dan Iktibarnya Untuk Pembangunan Tamadun di Malaysia ". *Jurnal PERADABAN*, 11(1). <https://doi.org/10.22452/peradaban.vol11no1.1>

Sorotan literatur pelaksanaan wakalah dalam sistem perkhidmatan Islam di Malaysia menurut perspektif hukum Islam

- Al Jawi, A., Nurhayati, N., & Soemitra, A. (2023). Komodifikasi Agama dalam Bisnis Social Crowdfunding di Indonesia. *FIKRAH*, 11(1). <https://doi.org/10.21043/fikrah.v11i1.19211>
- Al-Danani, 'Abd. al-Malik. (2021). مجلة البحوث في خدمة العلم والعلماء. *Bouhouth Magazine*, 42. <https://doi.org/10.12816/0061035>
- Al-Daryūwīsh, A. bin Y. (2010). *Juhūd al-Malik Khālīd bin 'Abd. Al-'Azīz Āli Su'ūd fī Khidmat al-Islām*. Maktabah al-'Obaikān.
- Al-Jazīrī, A. (2003). *al-Fiqh 'Alā al-Mazāhib al-Arba'ah* (2nd ed., Vol. 3). Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Mubārak ibn Muhammad, I. A. (1979). *al-Nihāyah Fī Gharīb al-Hadīth wa al-Athār* (T. A. al-Zawī, Ed.; Vol. 5). al-Maktabah al-'Ilmiyyah.
- al-Qurtubī, M. ibn A. I. 'Abd A. (1963). *al-Jāmi' Li Ahkām al-Qurān* (2nd ed., Vol. 6). Dār al-Kutub al-Misriyyah.
- Al-Zuhaili, W. (1985). *Al-Fiqh al-Islami wa adillatuhu* (Vol. 5). Dār al-Fikr.
- Amer, U., Bahari Norà Inan, & Sungit fakhri, F. (2016). Hukum-Hakam Dan Isu-Isu Dalam Ibadah Korban. *Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference*, 22(November).
- Amer, 'Uqbah, Mohamad, M. R., & Ab. Jabar, A. S. al-H. (2018). Kajian Pengurusan Korban Di Ez Qurban Sdn Bhd. *4th International Conference on Islamiyyat Studies*, 807–817.
- Arsad, M., Research, M. H.-J. of S. L., & 2020, U. (2020). Syarie Lawyers' Ethical Violations: A Study in State of Selangor. *Sare.Um.Edu.My*, 5(1).
- Bakar, M. (1999). *Dirāsāt fī 'Ulūm al-Qurān*. Dār al-Manār.
- Bassens, D., Derudder, B., & Witlox, F. (2012). "Gatekeepers" of Islamic financial circuits: Analysing urban geographies of the global Shari'a elite. *Entrepreneurship and Regional Development*, 24(5–6). <https://doi.org/10.1080/08985626.2011.577820>
- Beltaji, M. (2007). *Manāhij al-Tasyrī' al-Islāmi fī al-Qarni al-Thānī al-Hijri* (2nd ed.). Dār al-Salām.
- DBP. (2018). Kamus Dewan Bahasa. *Dewan Bahasa Dan Pustaka*.
- Dedi, S., & Lendrawati, L. (2021). The Legitimacy of The Sale and Purchase Contract of Sacrificial Animals in Curup Community. *Jurnal Adabiyah*, 21(2). <https://doi.org/10.24252/jad.v21i2a5>
- Ghazali, M. A., Md Sawari, S. S., Ahmad, S. Y., Awang, M. D., & Jusoh, M. K. A. (2023). The potential and obstacles of Malaysia's Halal Certification towards global halal standard. *Food Research*, 6(Supplementary 3). [https://doi.org/10.26656/fr.2017.6\(s3\).8](https://doi.org/10.26656/fr.2017.6(s3).8)
- Hamid, N. A., Othman, R. D., Arshad, R., Sanusi, S., & Rashid, N. (2020). A Comparison of wakalah zakah monitoring by lembaga zakat selangor (lzs) and pusat zakat melaka (PZM). *Journal of Critical Reviews*, 7(11). <https://doi.org/10.31838/jcr.07.11.53>
- Hammad Mohamad Dahalan. (2014). Pengurusan Sulh: Peranan, Pelaksanaan dan Keberkesanannya oleh Pegawai Sulh. *International Research Management and Innovation Conference 2014 (IRMIC2014)*, 2014(November).
- Hansard Parlimen. (2022). *Jawapan-Jawapan Bagi Pertanyaan-Pertanyaan Jawab Lisan Yang Tidak Dijawab di Dalam Dewan (Soalan No. 3, 8 hingga no. 119)*. <https://www.parlimen.gov.my/files/jindex/pdf/JDR26072022.pdf>
- Hasan, A., & Sulaiman, S. (2016). Pelaburan Secara Pengumpulan Dana Masyarakat (Crowdfunding) dan Isu-Isu Syariah yang Berkaitan. *Jurnal Muamalat*, 9.
- Hasbullah, M., Yusoff, S. H., & Zakaria, M. Z. (2019). *Istibdal Harta Wakaf: Kajian Ringkas Terhadap Peranan dalam Mengembangkan Produk Wakaf*. 16(2). www.jfatwa.usim.edu.my
- Hasnizam Hashim, Intan Nadia Ghulam Khan, Haliza A Shukor, & Nabilah Yusof. (2020). Isu-Isu berkaitan pernikahan yang menyalahi undang-undang Islam di Malaysia dan kaedah penyelesaiannya. *The 3rd International Conference of the Postgraduate Students and Academics in Syariah and Law 2020 (INPAC 2020) "Syariah and Law Approach in Solving Contemporary Issues "*, 2020(Inpac).
- Hisham, M. F. B., & Muwazir, M. R. (2021). Analisis Amalan Pelaporan Dan Pendedahan Maklumat Wakaf di Malaysia. *Labuan E-Journal of Muamalat and Society*, 15.
- Husain, M. H. E., Abdul Rahman, N. N., & Mohd Razif, N. F. (2020). Aplikasi Al-Wakalah Terhadap Sistem Perniagaan Francais di Malaysia. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 17(1). <https://doi.org/10.33102/jmifr.v17i1.262>
- Ibn al-Nadīm, M. ibn I. (1998). *al-Fahrasat; bab Maqalat al-Sadisah Fi Akhbar al-Fuqaha wa al-Muhadditsin* (I. Ramadan, Ed.; 2nd ed.). Dār al-Ma'rifah.
- Ibn Qayyim al-Jauziyyah, M. ibn A. B. (1994). *"Zād al-Ma'ād Fī Hadyi Khair al-'Ibād'"* (27th ed., Vol. 1). Muassah al-Risālah.
- Ibnu Faris, A. A. H. (1979). *Mu'jam Maqayis al-Lughah* (Abd. S. Muhammad, Ed.; 1st ed., Vol. 6). Dar al-Fikr.
- Ibnu Khaldun, A. R. (1988). *Diwān al-Mubtada wa al-Khabar Fī Tārīkh al-'Arab Wa Man 'Āsarahum min Zawī al-Shāni al-Akbar* (Vol. 2). Dār al-Fikr.

- Ibnu Manzur, J. A.-D. al-A. (1993). *Lisan al-'Arab* (3rd ed., Vol. 11). Dar al-Sadir.
- Isamail, M. Z., Rosele, M. I., & Ramli, M. A. (2015). Pemeriksaan Wakaf di Malaysia: Satu Sorotan. *Labuan E-Journal of Muamalat and Society (LJMS)*, 9. <https://doi.org/10.51200/ljms.v9i.2983>
- JAWHAR. (n.d.). *Fiqh Badal Haji*.
- JAWHAR. (2008). *Manual Pengurusan Badal Haji*. Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji. <https://e-penerbitan.jawhar.gov.my/ManualPengurusan/Haji-Dan-Umrah/MP-Badal-Haji.pdf>
- Majid, M. Z. (2004). *Konsep Wakalah Dalam Akad Nikah dan Amalannya: Satu Kajian Dalam Masyarakat Islam Di Daerah Yan Kedah* [Master Disertasi]. Universiti Malaya.
- Makrus, A. (2018). Hukum Badal Haji Menurut Pandangan Majelis Tarjih dan Tajdid Muhammadiyah dan Lajnah Bahtsul Masail Nahdlatul Ulama. *Al-Mazaahib: Jurnal Perbandingan Hukum*, 6(2). <https://doi.org/10.14421/al-mazaahib.v6i2.2322>
- Mat Razali, H., & Mohd Yunus, A. (2018). Prinsip Islam dalam Sembelihan di Rumah Sembelihan Gong Badak. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 1(3).
- Md Zawawi Abu Bakar. (2003). Isu-isu Peguam Syarie di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 11.
- Meerangani, K. A., Marinsah, S. A., & Ramli, R. (2018). Penglibatan Non-Muslim Sebagai Peguam Syarie Di Malaysia: Satu Analisis. *Jurnal Syariah*, 26(1). <https://doi.org/10.22452/js.vol26no1.2>
- Mohamad Afandi awang Hamat, & Muhammad Muhaimin Ghazali. (2019). Peranan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (APKI) 2013 dalam Memperkasakan Pelaksanaan Tadbir Urus Syariah dan Institusi Islam di Malaysia. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 2(1).
- Mohamad Dahalan, H., Abd Rahman, M. R., & Dahlan, N. K. (2019). Prinsip Al Wakalah Bil Khusumah dalam Kepeguaman Syarie: Analisis Pelantikan dan Urus Tadbirnya di Bawah Perundangan Syariah di Mahkamah Syariah. *5th International Seminar on Islamiyyat Studies (IRSYAD 2019)*, 638–648. <https://doi.org/http://dx.doi.org/10.17576/juum-2019-25-04>
- Mohamad Ishak Mohamad Ibrahim, I. U. R., & Kadir, M. R. A. (2016). Faktor-Faktor Halangan Terhadap Potensi Kutipan Zakat Perniagaan. *International Journal of Business, Economics and Law*, 9(5).
- Mohamad Muhaimin Mohamad Zaki, & Jasni Sulong. (2021). Mekanisma Agihan Zakat Pendidikan Pengajian Tinggi Dalam dan Luar Negara: Kajian Di Lembaga Zakat Negeri Kedah. *Journal of Contemporary Islamic Studies*.
- Mohamad Nasir, N. (2023, July 24). *Badal Haji Untuk Lebih Dari Seorang*. Jabatan Mufti Negeri Selangor. <https://www.muftiselangor.gov.my/en/2023/10/26/28-taudih-al-hukmi-badal-haji-untuk-lebih-daripada-seorang/>
- Mohamed Hadi Abd Hamid, & Rusni Hassan. (2014). Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013: Tinjauan Awal Kesannya dalam Industri Takaful. *Jurnal Kanun*, 2013(June 2013).
- Mohamed, S. (2017). Amalan Bersedekah Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam Prasekolah. *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 4(3–1). <https://doi.org/10.11113/umran2017.4n3-1.249>
- Mohammad Azam, H., & Alias, A. (2015). Definisi Wali Dalam Pernikahan: Perspektif Fiqh dan Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia. *Makalah Kanun*, 2.
- Mohd Arif, M. I. A., & Markom, R. (2013). Peranan dan Kedudukan Majlis Penasihat Syariah untuk Memperkasakan Sistem Kewangan Islam di Malaysia. *Jurnal Pengurusan*, 38. <https://doi.org/10.17576/pengurusan-2013-38-12>
- Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif, & Ruzian Markom. (2017). Status Quo Perundangan Majlis Penasihat Syariah dalam Kerangka Kerja Tadbir Urus Syariah bagi Sistem Perbankan Islam di Malaysia Selepas Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. *Jurnal Undang-Undang Dan Masyarakat*, 21.
- Mohd Nazim, A., Md. Sham, F., & Hamjah, S. H. (2012). Khidmat Sosial Wanita pada Zaman Rasulullah SAW. *Jurnal Al-Hikmah*, 4.
- Mohd Noor, A. (n.d.). *Konsep Wakalah dan Isu Isu Semasa Dalam Ibadah Korban*. Retrieved July 29, 2024, from <https://adoc.pub/download/konsep-wakalah-dan-isu-isu-semasa-dalam-ibadah-korban6e630b0a2fbd7ba36137bad11361e66957802.html?reader=1>
- Mohd Noor, M. S. (2013). Prinsip al-wakalah dalam al-kutub al-sittah dan aplikasinya dalam industri takaful di Malaysia. *Universiti Malaya*.
- Mohd Rom, N. A., Md Hassan, N., & Ahmad, R. (2022). Social Security via Takaful Ijtima'i: Beyond Basic Needs. *Journal of Algebraic Statistics*, 13(3).
- Mohd Salleh, M., Abdul Rashid, K. A., & Awang, M. S. (2021). Garis panduan Pendekatan Syariah Terhadap Pengurusan Komisen Dana Awam Oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGOs). *'Abqari Journal*, 25(1). <https://doi.org/10.33102/abqari.vol24no2.312>
- Muhammad, Abd. A.-H. (2004). al-Wakalah fi al-Syariah al-Islamiyyah. In *Rasail al-Fiqh al-Islami* (Vol. 23). Majma' Fuqahā al-Syariah bi al-Amerika.
- Muhammad, N. S. A. B. (2018). Qurban Dalam Tradisi Islam: Relasi Sosial Dan Masyarakat (Studi Kasus Di Kedah Malaysia dan Banda Aceh Indonesia). *(Skripsi, Fakultas Ushulludin Dan Filsafat Uin Ar-*

Sorotan literatur pelaksanaan wakalah dalam sistem perkhidmatan Islam di Malaysia menurut perspektif hukum Islam

Raniry Darussalam-Banda Aceh).

- Nazri, A. S., & Sulaiman, N. (2020). Participation in Humanitarian Assistance to Refugees in Malaysia and Contribution Towards Society Integration. *Jebat-Malaysian Journal Of History Politics And Strategic Studies*, 47(3).
- Nor M. R. M. (2011). Sejarah dan Perkembangan Pendidikan Islam di Malaysia. *At-Ta'dib*, 6(1). <https://doi.org/10.21111/at-tadib.v6i1.547>
- Nor Mukshar, A. N., Mohd Puad, N. A., & Ahmad, K. A. (2023). Model Takaful Di Malaysia: Isu dan Cabaran. *International Journal of Islamic Economics and Finance Research*, 6(1). <https://doi.org/10.53840/ijiefer102>
- Nor Paizin, M., & Sarif, S. (2021). Limitasi Penggunaan Konsep *Wakalah* Dalam Sistem Pengurusan Zakat di Malaysia: Limitations of the Use of the Agency Concept in the Zakat Management System in Malaysia. *E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*, 8(1).
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2016, November 5). *Hukum Badal Haji*. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/1313-al-kafi-433-hukum-badal-haji>
- R Michael Feener, & Philip Fountain. (2018). Religion and NGOs: Understanding new global configurations of humanitarian, development, and 'faith-based' institutions | Oxford Department of International Development.' In *Oxford Department of International Development*.
- Rahmadanil. (2021). The Implementation of The Badal Hajj as Profit in Terms of Islamic Law. *Qawānīn Journal of Economic Syaria Law*, 5(1). <https://doi.org/10.30762/qawanin.v5i1.3423>
- Razali, M., Mohd, N., Ahmad, N. A. B., Mohd Zahid, E. S. B., & Ishak, N. N. (2022). Issue and Challenges on Zakat Refund Distribution. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(9). <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v12-i9/15150>
- Religion, T., Federation, T., & History, L. (2017). Islam Agama Bagi Persekutuan: Satu Kajian Sejarah Perundangan (Islam as The Religion of The Federation: A Study of Legal History). *Akademika*, 87(3).
- Romli, A. B., Daud, M. N., & Rahman, R. C. A. (2022). Amalan Konsep *Wakalah* Pengurusan Zakat di Politeknik Ungku Omar [Practise of The Concept of *Wakalah* in Zakat Management at Ungku Omar Polytechnic]. *International Journal of Zakat and Islamic Philanthropi*, 4(2).
- Rosman, R., Redzuan, H., Zainiyah, N., Mokhtar, N., Rabiah, E., Ali, A. E., & Mohammed, M. O. (2022). Islamic Social Finance and Sustainable Development Goals: Issues and Challenges. *Journal of Islamic Finance*, 11(2).
- Salam, A., & Al-Arousi, A. H. (n.d.). *Prophetic Practice of Servant Leadership (Quality Study)*. <https://doi.org/10.56793/pcra22131>
- Sarip, M. M. (2019). Penggunaan Akad *Wakalah* Dalam Ibadat Korban Luar Negara. *Journal of Muwafaqat*, 2(1).
- Shahid, M., Sulub, Y. A., Mohtesham, M. M. J., & Abdullah, M. (2024). Analyzing the commonalities between Islamic social finance and sustainable development goals. *International Journal of Ethics and Systems*, 40(2). <https://doi.org/10.1108/IJOES-04-2022-0082>
- Sharif, N., & Wahid, H. (2019). Aplikasi Konsep *Wakalah* dalam Pembayaran Zakat Simpanan: Kajian di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB). *Journal of Fatwa Management and Research*. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol0no0.289>
- Siti Aishah Borhanuddin, Mahamatayuding Samah, & Mohd Norhusairi Mat Hussin. (2022). Sorotan Literatur terhadap Polemik Perkahwinan Tanpa Kebenaran di Malaysia. *Journal of Shariah Law Research*, 7(2).
- Syafuri, S., & Anggraeni, N. (2019). Tinjauan Hukum Islam Terhadap Praktik Upah (Ujrah) Amil Zakat. *MUAMALATUNA*, 10(2). <https://doi.org/10.37035/mua.v10i2.1883>
- Syams al-Dīn al-Ramlī, M. bin A. (1984). *Nihāyat al-Muhtāj Ilā Syarh al-Minhāj* (Vol. 5). Dār al-Fikr.
- Syarifah Zubaidah Syed Abdul Kader. (2016). Kerangka Undang Undang Pengurusan Wakaf Di Malaysia: Ke Arah Keseragaman Undang Undang. *Jurnal Undang Undang Malaysia*, 28(1).
- Taqi al-Din, M. ibn A. al-H. (1998). *al-'Aqd al-Thamin fi Tarikh al-Balad al-Amin* (M. 'Abd al-Qadir, Ed.; Vol. 1). Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Umari, S. J. (1996). *The Concept of Social Service in Islam* (V. Rahmatullah, Trans.). Islamic Research Institute Jamia Darussalam Omerabad.
- Unit Fatwa. (2023, December 29). *Garis Panduan dan Hukum Pengurusan Kutipan Derma Awam*. Jabatan Mufti Negeri Perlis. <https://muftiperlis.gov.my/index.php/himpunan-fatwa-negeri/852-garis-panduan-dan-hukum-pengurusan-kutipan-derma-awam>
- Wahab, M. A. (2016). Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia Di Mahkamah Syariah: Suatu Sorotan Literatur. *Journal of Shariah Law Research*, 1(2). <https://doi.org/10.22452/jslr.vol1no2.1>
- Wan Adnan, W. A., & Ali, N. A. (2020). Konsep Akad Komisen Dalam Islam Dan Aplikasinya Dalam Sistem Muamalat Semasa Commission Concept in Islam and Its Application in Current Muamalat System.

- Online Journal of Research in Islamic Studies*, 7(3). <https://doi.org/10.22452/ris.vol7no3.1>
- Winstedt, R. O. (2024). Malaya and its History. In *Malaya and its History*. <https://doi.org/10.4324/9781003464495>
- Yunus, M. H., & Zakaria, Z. (2016). Pandangan Ulama Terhadap Kontrak Hibrid Dan Pelaksanaannya dalam Produk Pembiayaan Perumahan Affin Home Invest-I. *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies (EISSN: 2289-8204)*, 3(3). <https://doi.org/10.11113/umran2016.3n3.61>
- Zain, M. M. (2021). Akad Nikah Virtual Sebagai Alternatif Pernikahan Pada Masa Pandemi Covid-19 Perspektif Masalah 'Izz Al-Din Ibn 'Abd Al-Salam (Studi Fatwa Majelis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia). *Tesis*.
- Zainul Abidin, M. A. (2020, July 28). *Kesilapan dan Salah Faham Dalam Ibadah Korban*. Jabatan Mufti Negeri Perlis. <https://muftiperlis.gov.my/index.php/minda-mufti/359-kesilapan-dan-salah-faham-dalam-ibadah-korban>
- Zakariya, H. (2019). Kegemilangan Tamadun Islam dan Sumbangannya Terhadap Pembinaan Tamadun Barat. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)*, 6(2).
- Zakariyah, L., Sarif, S. B. M., Osman, R. Bt. A., Abd Rahman, S., & Noor, A. B. M. (2017). Investing Muslim Public Funds for Fulfilling Maqāsid al-Shariaah: A Case Study of Tabung Masjid in Malaysia. *Journal of Islam in Asia*, 14(2). <https://doi.org/10.31436/jia.v14i2.615>
- Zulkepli, M. I. S., & Mohamad, M. T. (2020). Mekanisme Kawalan Risiko Syariah Terhadap Isu Dual-Agency dalam Produk Deposit Berasaskan Tawarruq dalam Perbankan Islam Malaysia. *Labuan E-Journal of Muamalat and Society (LJMS)*, 14. <https://doi.org/10.51200/ljms.v14i.2862>